



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN
DOKUMEN SEBUT HARGA**

**PERKHIDMATAN MENGUKUR, MENJAHIT, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR
BAJU KORPORAT, SELUAR DAN T-SHIRT
UNTUK PEMBANTU OPERASI DAN PEMANDU
DI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

NO. SEBUT HARGA : 06/2021

Tarikh buka : 04/03/2021

Tarikh Tutup : 18/03/2021

12.00 TENGAH HARI

PERINGATAN:

**PENYEBUT HARGA DIKEHENDAKI MEMBACA DENGAN TELITI DAN MEMAHAMI
KESELURUHAN BUTIR-BUTIR YANG TERKANDUNG
DI DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA SEBELUM MENGISINYA.
PENYEBUTHARGA YANG MEMBUAT KESILAPAN DAN TIDAK MEMATUHI MANA-MANA FASAL
DALAM SEBUT HARGA INI AKAN MENYEBABKAN TAWARAN SEBUT HARGA
TERSEBUT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**

**KERAJAAN MALAYSIA
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

BAHAGIAN I – KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. KENYATAAN TAWARAN

1.1 Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang **020801/020802/222401 (Pakaian,Kelengkapan, menjahit pakaian dan kelengkapan)** untuk **Perkhidmatan Mengukur,Menjahit, Membekal dan Menghantar Pakaian Seragam, Baju Korporat dan T-Shirt Untuk Pembantu Operasi dan Pemandu Di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan**. Penyebut harga mestilah berdaftar dalam kod bidang yang dinyatakan di atas. Borang sebut harga boleh diperolehi dari **04 Mac 2021**.

No./Tajuk sebut harga	Kod Bidang	No. Dokumen	Taklimat Sebut Harga	Tarikh Tutup Sebut Harga
Perkhidmatan Mengukur,Menjahit, Membekal dan Menghantar Pakaian Seragam, Baju Korporat dan T-Shirt Untuk Pembantu Operasi dan Pemandu Di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan	020801 (Pakaian) 020802 (Kelengkapan pakaian) 222401 (menjahit pakaian dan kelengkapan)	06/2021	Tiada	18 Mac 2021 (Khamis)

1.2 Dokumen sokongan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Aras 3, MABNA MBI (Blok 8) Kompleks Kota Darul Naim , 15503 Kota Bharu Kelantan**

1.3 Sebut Harga yang lewat diterima tidak akan diterima / dilayan. Pejabat tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada sebut Harga Yang Dihantar secara talian.

- 1.4 Semua keterangan mengenai Sebut Harga ini atau butir-butir lengkap mengenai syarat-syarat dan penentuan perkhidmatan perlu dikemukakan bersama-sama dokumen.
- 1.5 Tawaran akan ditolak sekiranya gagal memenuhi mana-mana syarat dalam dokumen Sebut Harga.
- 1.6 Pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan berhak menamatkan perkhidmatan yang diberi kepada pembekal pada bila-bila masa sekiranya:
 - a) Tidak mematuhi jadual pengeluaran yang ditetapkan
 - b) Tidak memenuhi kriteria yang telah dipersetujui
 - c) Tidak membekalkan peralatan mengikut dalam spesifikasi
- 1.7 Pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan berhak menukar/mengubah jenis/saiz barang yang dibekal dengan harga yang sama setelah berunding dengan pembekal terpilih.
- 1.8 Semua pertanyaan atau penjelasan boleh berhubung dengan pegawai berikut:-
 - a) Nurul Izza Binti Hasan
Pembantu Tadbir
Tel: 09-7481957 (Ext 8324)
E-Mel: bhgkp@kelantan.gov.my
nurulizzahasan.gov.my

SEBUT HARGA BIL. 06/2021

**PERKHIDMATAN MENGUKUR, MENJAHIT, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR
PAKAIAN SERAGAM, BAJU KORPORAT DAN T-SHIRT UNTUK KAKITANGAN DI
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

Bil	Deskripsi	Spesifikasi	Kuantiti	Catatan
1.	Baju Seragam Korporat sepasang (baju dan seluar) Untuk Pembantu Operasi (Lelaki)	<p>Baju korporat lengan pendek</p> <p>a) Warna :</p> <p>b) Jenis kain : viscose atau of oxford</p> <p>*jenis leher lif putih dan logo serta nama bersulam di bahagian poket baju</p> <p>Seluar</p> <p>a)Warna : Hitam</p> <p>b)Jenis Kain : High Twiste</p>	<p>BAJU 56 ORANG X 2 HELAI = 112</p> <p>SELUAR 56 ORANG X 2 HELAI = 112</p>	
2.	Baju Seragam Korporat sepasang (baju dan seluar) Untuk Pembantu Operasi (Perempuan)	<p>Baju korporat lengan Panjang</p> <p>a)Warna :</p> <p>b)Jenis kain : viscose atau of oxford</p> <p>*jenis leher lif putih dan logo serta nama bersulam</p> <p>Seluar</p> <p>a)Warna : Hitam</p> <p>b)Jenis Kain : High Twiste</p>	<p>BAJU 2 ORANG X 2 HELAI = 4</p> <p>SELUAR 2 ORANG X 2 HELAI = 4</p>	
3.	Baju seragam Korporat sepasang (baju dan seluar) Pemandu (Lelaki)	<p>Baju korporat lengan pendek</p> <p>a)Warna :</p> <p>b)Jenis kain : viscose atau of oxford</p> <p>*jenis leher lif Hitam dan logo serta nama bersulam</p> <p>Seluar</p> <p>a)Warna : Hitam</p> <p>b)Jenis Kain : High Twiste</p>	<p>BAJU 67 ORANG X 2 HELAI = 134</p> <p>SELUAR 67 ORANG X 2 HELAI = 134</p>	
4.	Baju seragam Korporat sepasang (baju dan seluar) Pemandu	<p>Baju korporat lengan panjang (Muslimah)</p> <p>a)Warna :</p> <p>b)Jenis kain :Viscose atau Of Oxford</p>	<p>BAJU 1 ORANG X 2 HELAI = 2</p>	

	(Perempuan)	*jenis leher lif Hitam dan logo serta nama bersulam Kain/seluar a)Warna : Hitam b)Jenis Kain : High Twiste	SELUAR 1 ORANG X 2 HELAI = 2	
5	Baju seragam Korporat sepasang (baju dan seluar) Untuk kakitangan JKR 7	Baju korporat lengan pendek a)Warna : b)Jenis kain : viscose atau of oxford *jenis leher lif Hitam dan logo serta nama bersulam Seluar a)Warna : Hitam b)Jenis Kain : High Twiste	BAJU 9 ORANG X 2 HELAI = 18 SELUAR 9 ORANG X 2 HELAI = 18	
6.	Baju seragam Korporat sepasang (baju dan seluar) Untuk kakitangan Unit Landskap	Baju korporat lengan pendek a)Warna : b)Jenis kain : viscose atau of oxford *jenis leher lif Hitam dan logo serta nama bersulam Seluar a)Warna : Hitam b)Jenis Kain : High Twiste	BAJU 25 ORANG X 2 HELAI = 50 SELUAR 25 ORANG X 2 HELAI = 50	

- a) Sila sertakan bersama **contoh kain dan lakaran gambar pakaian** semasa penghantaran sebut harga. Penyebutharga yang tidak menyertakan contoh kain dan lakaran gambar pakaian tidak akan dipertimbangkan.
- b) Jaminan di atas pakaian bagi semua deskripsi tersebut adalah 1 bulan selepas tarikh serah dan pembekal bertanggungjawab atas apa yang disediakan.

Tandatangan kontraktor :

.....

Nama:

Cop :

BORANG TAWARAN HARGA

No rujukan sebut harga

:.....

Tajuk sebut harga :

Sukacita dimaklumkan bahawa saya/kami menawarkan untuk membekal barang diatas tertakluk kepada semua syarat dan spesifikasi yang ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan seperti berikut:

BIL	DESKRIPSI	KUANTITI	HARGA SATU UNIT	JUMLAH
A	Baju Seragam Korporat sepasang (baju dan seluar) Untuk Pembantu Operasi (Lelaki)	BAJU 59 ORANG X 2 HELAI = 118		
		SELUAR 59 ORANG X 2 HELAI = 118		
B	Baju Seragam Korporat sepasang (baju dan seluar) Untuk Pembantu Operasi (Perempuan)	BAJU 2 ORANG X 2 HELAI = 4		
		SELUAR 2 ORANG X 2 HELAI = 4		
JUMLAH A+B				
C	Baju seragam Korporat sepasang (baju dan seluar) Pemandu (Lelaki)	BAJU 68 ORANG X 2 HELAI = 136		
		SELUAR 68 ORANG X 2 HELAI = 136		
D	Baju seragam Korporat sepasang (baju dan seluar) Pemandu	BAJU 1 ORANG X 2 HELAI = 2		

	(Perempuan)	SELUAR 1 ORANG X 2 HELAI = 2		
JUMLAH C+D				
E	Baju seragam Korporat sepasang (baju dan seluar) Untuk kakitangan JKR 7	BAJU 9 ORANG X 2 HELAI = 18		
		SELUAR 9 ORANG X 2 HELAI = 18		
JUMLAH E				
F	Baju seragam Korporat sepasang (baju dan seluar) Untuk kakitangan Unit Landskap	BAJU 25 ORANG X 2 HELAI = 50		
		SELUAR 25 ORANG X 2 HELAI = 50		
JUMLAH F				

Tempoh Penyediaan/penyempurnaan:

RINGKASAN TAWARAN HARGA

Berikut adalah ringkasan harga tawaran bagi pihak saya/kami bagi Perkhidmatan mengukur, menjahit, membekal dan menghantar pakaian seragam, baju korporat dan t-shirt untuk kakitangan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan:

BIL	RINGKASAN	HARGA
1.	JUMLAH A+B	
2.	JUMLAH C+D	
3.	JUMLAH E	
4.	JUMLAH F	
	JUMLAH KESELURUHAN	

Tandatangan/Cop Pembekal

.....

Tarikh :

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA

1. Keadaan Barang

Barang-barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru, belum digunakan dan menepati mutu yang telah ditetapkan.

2. Harga

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih meliputi semua kos perbelanjaan termasuk cukai-cukai yang berkaitan, pengangkutan, pemasangan, pembungkusan dan lain-lain. Harga hendaklah dalam Ringgit Malaysia (RM).

3. Persetujuan

- i) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga;
- ii) Tiap-tiap satu butiran akan ditimbang sebagai suatu sebut harga yang berasingan; dan
- iii) Keputusan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan ke atas sebut harga ini adalah muktamad.

4. Pemeriksaan

- i) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan berhak melantik seorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- ii) Petender hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

5. Perakuan Menyatakan Spesifikasi Telah Dipatuhi

Petender adalah dikehendaki membuat perakuan bahawa bekalan yang dibekalkan adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

6. Penolakan

- i) Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui akan ditolak.

- ii) Atas sebab-sebab (i) di atas, petender hendaklah membayar balik kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu.

7. Tafsiran

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan petender bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan yang mungkin timbul mengenai Sebut harga atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

8. Pembungkusan

- i) Melainkan jika ditunjukkan berasingan, kos pembungkusan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh petender.

9. Punca Bekalan

Jika barang-barang tidak dibeli terus daripada pengeluar, petender hendaklah menyatakan nama pembekal yang akan membekalkan barang/alat yang diminta.

10. Surat-Menyurat Dari Petender Yang Tidak Berjaya

Pentadbiran ini tidak akan melayan sebarang surat-menyurat daripada petender-petender mengenai sebab-sebab sebut harga mereka tidak berjaya.

11. Tempoh Jaminan

Peralatan/Barangan dan sebarang kerja-kerja pemulangan/tukar/baiki hendaklah dijamin selama ...1... bulan dari tarikh penyerahan/hantaran. Pihak pembekal yang berjaya perlu menyediakan suatu surat sewaktu penyerahan barang dilakukan dan jaminan adalah bermula dari tarikh surat itu diterima oleh pentadbiran ini.

12. Insurans

Tiada apa-apa insuran atas barang-barang dalam perjalanan dari negeri pembekal atau dalam Malaysia boleh dimasukkan dalam Sebut Harga.

13. Barang-Barang “Ex-Stock” atau Barang-Barang Keluaran Dalam Negeri

- a) Cukai

Melainkan jika ditunjukkan berasingan, harga hendaklah diertikan sebagai termasuk semua jenis cukai berkaitan.

b) Pembungkusan

i) Melainkan jika ditunjukkan berasingan, harga hendaklah diertikan sebagai termasuk belanja pembungkusan.

ii) Kehilangan atau kerosakan akibat pembungkusan yang tidak cukup atau cacat, hendaklah diganti oleh pembekal.

c) Pengenalan

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu hendaklah ditunjukkan (jika berkenaan).

14. Barang-Barang Yang Diimport Daripada Luar Negeri

a) Cukai

Harga hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai yang berkaitan. Jenis-jenis cukai hendaklah ditunjukkan secara berasingan.

b) Matawang

Harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

c) Punca Bekalan

Jika barang-barang tidak dibeli terus dari pengilang/pengeluar, sila nyatakan nama dan alamat pembekal di mana barang-barang itu akan diperolehi.

d) Pembungkusan

i) Barang-barang hendaklah dibungkus dan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut kelaziman perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak dibungkus.

ii) Melainkan jika ditunjukkan berasingan, harga hendaklah diertikan sebagai termasuk belanja pembungkusan.

iii) Kehilangan atau kerosakan akibat dari pembungkusan yang tidak cukup atau cacat hendaklah diganti oleh petender.

15. Surat Akuan Pembida

Petender dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida semasa menghantar dokumen tender ini seperti di **Lampiran A**. Sila lampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida.

16. Penyerahan Sebut Harga

- i) Dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah dihantar ke Pusat Tanggungjawab yang mengeluarkan tawaran.

- ii) Dokumen sebut harga hendaklah sampai pada atau sebelum tarikh dan masa yang telah ditetapkan. Dokumen yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

Pengesahan Pembekal

Syarat-syarat di atas kesemua keseluruhan daripada perkara 1 hingga 16 telah dibaca dan saya/syarikat ini bersetuju dengannya.

.....
Tandatangan & Cop

Nama Penuh :

No. K/P :

Alamat :

SURAT AKUAN PEMBIDA
Bagi

(.....)
(Tajuk dan Nombor Sebut Harga)

Saya..... nombor
(Nama Wakil Syarikat/Nama Pemilik Syarikat)
K.P.....

yang*mewakili/memiliki.....
nombor Pendaftaran.....ini mengisytiharkan bahawa saya
(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)
atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau
memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Kelantan** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam
sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa
bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati
bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Pejabat
Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan** atau mana-mana individu lain sebagai
sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil
syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan bilik tawaran kontrak bagi sebut harga diatas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya
atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk
dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera
melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah
Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
(Tandatangan)

Nama dan No. K.P.:

Cop Syarikat:

Catatan* Potong mana yang tidak berkaitan.

**SENARAI SEMAK
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**

Sila tandakan (/) Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan

Bil	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)	<input type="checkbox"/>
2.	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)	<input type="checkbox"/>
3.	Salinan Surat Akuan Pembida	<input type="checkbox"/>
4.	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani	<input type="checkbox"/>
5.	Penyerahan Contoh Dan Katalog (jika berkaitan)	<input type="checkbox"/>
6.	Cadangan lakaran reka bentuk pakaian	<input type="checkbox"/>
7.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank Bagi Tiga (3) Bulan Terakhir yang disahkan oleh pihak bank	<input type="checkbox"/>
8.	Lain-lain Sekiranya Ada:.....	<input type="checkbox"/>

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

